

Headline	Rangka strategi operasi Aidilfitri		
MediaTitle	Sinar Harian (Selatan)		
Date	01 Jun 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	20,000
Page No	37	Readership	60,000
Language	Malay	ArticleSize	365 cm <sup>2</sup>
Journalist	NORAFIDAH ASSAN	AdValue	RM 3,699
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,097



# Rangka strategi operasi Aidilfitri

**SWM Environment siap sedia operasi pembersihan**

NORAFIDAH ASSAN

SEREMBAN

Syarikat konsesi pengurusan sisa pepejal, SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) telah merangka strategi operasi hari raya dengan mengenal pasti beberapa lokasi penting yang memerlukan perhatian dan tindakan operasi pembersihan.

Exco Kesejahteraan Bandar, Perumahan Kerajaan Tempatan dan Kam-



Kok Seong (tengah) selepas selesai sidang media strategi operasi Aidilfitri di wisma Negeri, semalam.

pung Baru, Teo Kok Seong berkata, operasi itu juga bertujuan memastikan orang ramai tidak menghadapi masalah perkhidmatan sepanjang Aidilfitri

serta semua pekerja SWM Environment berada di dalam keadaan bersedia dan mengikut jadual perancangan kerja yang telah disusun-atur.

Menurutnya, operasi tumpuan meliputi 32 lokasi pasar awam, pasar tani dan pasar tani mega (14 lokasi), bazar Ramadan (54 lokasi), bazar raya (10 loka-

**Operasi itu juga bertujuan memastikan orang ramai tidak menghadapi masalah perkhidmatan sepanjang Aidilfitri.** - Kok Seong

si), pusat membeli belah serta pasaraya (48 lokasi).

"Manakala 37 lokasi jualan mantai bakal menjadi tumpuan bagi penjualan daging dan lemak sebelum Aidilfitri juga akan dipantau tahap kebersihannya dari masa ke masa.

"Selain SWM Environment, SWCorp dan Majlis Perbandaran Seremban turut bekerja sama memantau lokasi perniagaan bazar raya pada malam hari raya terutamanya selepas operasi mereka tamat," katanya pada sidang media di Wisma Negeri, semalam.

Kok Seong berkata, ker-

jasama tersebut bagi memastikan para peniaga tidak culas menguruskan sisa perniagaan mereka selain memastikan tahap kebersihan terjamin.

"Selain itu, SWM Environment akan menyediakan sejumlah 68 buah kompaktor, 52 lori terbuka Roll On Roll Off (RORO) pada hari pertama dan akan mempertingkatkan kenderaan pada hari raya kedua sebanyak 99 lori kompaktor dan 63 RORO.

"Jumlah kekuatan tenaga kerja bagi hari raya pertama ialah 760 orang dan hari raya kedua pula 1,675 orang," katanya.